

## **HUBUNGAN ANTARA HARGA DIRI DENGAN PENCAPAIAN MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

Yeo Kee Jiar & Zulkarnain Bin Muhamad

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Harga diri pada umumnya ialah suatu bentuk penilaian kendiri. Individu dengan harga diri yang tinggi lebih berkemungkinan berasa puas hati dengan dirinya dalam pelbagai aspek secara umum seperti penampilan diri, kebolehan, akademik, hubungan dengan orang lain, dan sebagainya. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti korelasi antara harga diri dengan pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam kalangan 120 orang pelajar dari empat buah sekolah menengah. Setiap pelajar diberikan satu set borang soal selidik yang telah diuji kebolehpercayaannya yang menunjukkan nilai alfa Cronbach 0.879. Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 15.0 untuk mendapatkan frekuensi, peratus, dan min manakalah kaedah korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara harga diri dengan pencapaian Kemahiran Hidup. Di samping itu, ujian-t dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan antara harga diri dengan pencapaian pelajar lelaki dan perempuan. Dapatkan menunjukkan responden berada pada tahap sederhana dalam harga diri. Dapatkan juga menunjukkan terdapat korelasi antara harga diri dengan pencapaian. Ujian-t pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara harga diri pelajar lelaki dengan perempuan tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar berpencapaian tinggi dengan rendah. Beberapa cadangan dikemukakan untuk mengukuhkan harga diri pelajar, justeru secara tidak langsung membantu dalam meningkatkan pencapaian.

**Abstract:** Self-esteem is a general self evaluation. People with high self-esteem are more likely to feel good about themselves in a general way such as looks, abilities, academics, personal relationships, and so forth. This study was aimed to identify the correlation between self-esteem and subject achievement of 120 students from four secondary schools. Each student was given a set of questionnaire where the reliability was 0.879 at Cronbach's Alpha. Data was analyzed by using SPSS version 15.0 software to obtain frequency, percentage, and mean while Pearson correlation was used to determine correlations between self-esteem and subject achievement. Besides these, t-test was carried out to determine any significant differences between self-esteem and achievement across gender and high and low achievers in the subject. Results showed that most of the respondents were having moderate level of self-esteem. It was also found that there was correlation between self-esteem and subject achievement of Living Skills. The analysis by t-test indicated no significant difference between male and female students but differences between high and low achievers. Various suggestions have been proposed so that self-esteem can be further enhanced.

*Katakunci:* harga diri, pencapaian mata pelajaran kemahiran hidup

### **Pengenalan**

Institusi pendidikan di Malaysia memainkan peranan yang penting untuk mencapai matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai

kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam usaha untuk meningkatkan tahap pendidikan di negara ini kerajaan telah memperkenalkan satu mata pelajaran yang sangat berguna bagi melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian. Mata pelajaran tersebut ialah Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah. Mata pelajaran ini merupakan sebahagian usaha pendidikan ke arah mempertingkatkan kemahiran teknologi dan keusahawanan. Mata pelajaran Kemahiran Hidup (KH) mengandungi kemahiran yang berguna dan berfungsi agar murid dapat bertindak dan mengendalikan kehidupan harian secara produktif dalam dunia teknologi dan industri yang kompleks dan sentiasa berubah. Murid dipupuk sikap yang positif seperti menghargai kerja yang berkualiti tinggi, berinovasi dalam pembinaan projek, penuh yakin dan berdikari dalam daya usaha. Aktiviti yang diberi tumpuan adalah bercorak kerja-buat-sendir yang mudah berkaitan dengan pemasangan, pembinaan, baik pulih dan penyenggaraan. Di samping itu masakan, jahitan, tanaman, ternakan, pengurusan akaun dan perniagaan turut diberi tumpuan (Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu, 2002).

### **Pernyataan Masalah**

Selaras dengan wawasan 2020, peranan pendidikan untuk merealisasikan perubahan dan pencapaian Malaysia menjadi negara maju sepenuhnya merupakan agenda yang begitu mencabar dan kritikal. Pelajar bertanggungjawab melengkapkan diri dengan seberapa banyak ilmu pengetahuan yang mencukupi dan bersedia untuk menempuh apa jua dugaan dan halangan yang datang. Dalam hal ini antara faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar ialah perbezaan latar belakang keluarga, personaliti, harga diri serta corak pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

Dalam meninjau pelbagai faktor yang berkaitan dengan pencapaian Kemahiran Hidup, salah satu faktor yang menjadi minat penyelidik ialah harga diri. Berdasarkan latar belakang kajian, nyatanya harga diri merupakan suatu elemen penting yang amat perlu ditekankan dalam jiwa pelajar. Sehubungan dengan itu, penyelidik ingin mengkaji hubungan antara harga diri dengan pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup pelajar sekolah menengah bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan yang telah ditetapkan.

### **Objektif Kajian**

Penyelidik menggariskan empat objektif untuk dicapai menerusi kajian ini. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti :

- (i) Tahap harga diri pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup
- (ii) Hubungan antara harga diri dengan pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- (iii) Perbezaan antara harga diri pelajar yang mendapat pencapaian tinggi dengan pencapaian rendah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.
- (iv) Perbezaan antara harga diri pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

### **Kepentingan Kajian**

Tujuan penyelidik menjalankan kajian ini adalah supaya hasil kajian dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak terutamanya golongan yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan. Kepentingan kajian bagi pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

## **Pelajar**

Dapatan kajian diharapkan dapat membantu pelajar meningkatkan keyakinan terhadap diri di samping meningkatkan prestasi dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Hal ini demikian kerana sekiranya harga diri mempunyai hubungan dengan pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup, harga diri perlu ditingkatkan.

## **Ibu bapa**

Dapatan kajian ini membantu ibu bapa mengetahui betapa pentingnya sikap harga diri dan berusaha untuk memotivasi anak-anak mereka supaya yakin terhadap diri sendiri. Anak-anak yang sentiasa mendapat pujian dan penghargaan daripada ibu bapa akan yakin terhadap diri sendiri dan berkemungkinan mendapat pencapaian yang tinggi dalam mata pelajaran yang mereka ambil.

## **Guru-guru Kemahiran Hidup**

Dapatan kajian ini juga dapat menolong guru-guru dan bakal guru untuk membimbing dan membantu pelajar yang mempunyai harga diri yang rendah supaya mempertingkatkan lagi pencapaian mereka dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.

## **Pihak Sekolah**

Penyelidik meletakkan harapan yang tinggi kepada kajian ini supaya hasilnya akan memberi sumbangan yang positif terhadap pihak sekolah sama ada pentadbir sekolah, penolong kanan kurikulum dan juga guru-guru Kemahiran Hidup agar menggunakan cadangan-cadangan kajian yang telah dilaksanakan dalam kajian ini. Secara tidak langsung dapat memberi ilham kepada guru-guru tentang cara menarik minat pelajar dan sentiasa mempelbagaikan corak pengajaran agar tahap harga diri pelajar dapat ditingkatkan.

## **Metodologi**

### **Populasi dan sampel**

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang terdapat di sekitar daerah Kuala Krai. Daripada sepuluh buah sekolah, empat buah sekolah telah dipilih secara rawak kelompok bagi mewakili semua sekolah di daerah Kuala Krai. Sekolah tersebut ialah SMK Kuala Krai, SMK Sultan Yahya Petra 1, SM Sultan Yahya Petra 2 dan SMK Pahi. Sekolah-sekolah ini adalah sekolah gred ‘A’ yang terletak di kawasan luar bandar.

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup tingkatan dua di sekolah-sekolah berkenaan. Seramai 120 orang pelajar yang terlibat sebagai sampel dalam kajian ini. Mengikut Mohd Najib(1999), 30 peratus sampel daripada populasi sudah mencukupi.

Jumlah responden ialah seramai 120 orang. Mengikut Mohamad Najib (1999), menjelaskan bahawa terdapat empat jenis sampel rawak iaitu sampel mudah, sampel susun lapis, sampel kelompok dan kelompok atas kelompok. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan sampel rawak kelompok iaitu dengan memilih 4 buah sekolah daripada 10 buah sekolah. Penyelidik telah menetapkan 30 peratus daripada jumlah pelajar tingkatan dua setiap sekolah sebagai sampel.

## **Instrumen Kajian**

Mengikut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), instrumen kajian ialah sejenis alat yang hendak digunakan sama ada jenis soal selidik, senarai semak, pengujian atau lain-lain. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

### **Bahagian A : Latar Belakang Responden**

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan untuk mendapatkan cirri-ciri demografi responden seperti jantina, bangsa, pekerjaan ibu bapa, dan juga keputusan peperiksaan akhir tahun mata pelajaran Kemahiran Hidup. Responden hanya perlu menandakan (/) pada ruang yang disediakan.

### **Bahagian B : Tahap Harga Diri Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup**

Bahagian ini terdiri daripada 34 item yang mengandungi soalan berkaitan tahap harga diri pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Responden hanya perlu menanda bulat pada ruang yang disediakan .

Skala yang digunakan dalam soal selidik untuk bahagian B ialah Skala Likert yang membolehkan responden menjawab soal selidik berpandukan peringkat yang sesuai untuk setiap pernyataan yang diberi.

## **Kajian Rintis**

Sebelum instrumen ini digunakan dalam kajian , penyelidik akan menjalankan satu kajian rintis di SMK Ipoh, dalam daerah Tanah Merah yang melibatkan 10 orang pelajar Tingkatan 2. Tujuan kajian rintis ini dijalankan sebelum set soal selidik digunakan dalam kajian sebenar adalah untuk menentukan tahap kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan. Selain itu, kajian rintis juga bertujuan untuk memastikan keberkesanan, kesahan instrumen serta menyemak kekurangan dan kesamaran item-item dalam set soal selidik.

Dari pihak kajian rintis yang telah dijalankan terhadap 10 orang responden didapati nilai pekali Alpha Cronbach,  $\alpha=0.879$ . Ini menunjukkan item-item dalam soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

## **Perbincangan**

### **Perbincangan Latar Belakang Pelajar**

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperoleh, didapati bahawa secara purata pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan sebanyak 18.4 peratus. Dapatan ini mungkin disebabkan faktor populasi lelaki yang semakin berkurang dan juga populasi di daerah Kuala Krai menyebabkan peratusan pelajar lelaki adalah sedikit berbanding pelajar perempuan.

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar berbangsa Melayu merupakan golongan majoriti dalam kajian ini. Sebanyak 88.4 peratus responden adalah bangsa Melayu. Diikuti 0.8 peratus adalah India dan Cina 0.8 peratus. Dapatan ini disebabkan sampel yang dipilih terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan dan sebuah sahaja Sekolah Menengah harian biasa. Semua pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan adalah terdiri daripada pelajar melayu dan Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra merangkumi pelajar Melayu dan bukan Melayu. Selain itu, oleh kerana kebanyakan pelajar di luar bandar adalah terdiri daripada bangsa Melayu, maka mereka menjadi golongan majoriti dalam kajian ini.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa bilangan responden yang mempunyai bapa yang bekerja sendiri adalah paling tinggi dengan peratusan 35.8 peratus. Oleh kerana Daerah Kuala Krai ini bukannya sebuah bandar yang besar dan juga bukannya kawasan pertanian rata-rata penduduknya ramai yang bekerja sendiri seperti tukang gunting rambut, pemandu teksi persendirian bermiaga kecil-kecilan dan lain-lain. Manakala pekerjaan bapa yang kedua tertinggi ialah kerja kerajaan seperti guru, Jabatan Kerja raya, Jabatan Parit dan Saliran, Jabatan Ukur dan lain-lain. Oleh kerana kajian penyelidik tertumpu sekitar Bandar Kuala Krai, sudah tentu banyak bangunan kerajaan yang terdapat di Kuala Krai. Oleh hal yang demikian bilangan responden yang mempunyai bapa yang bekerja kerajaan adalah kedua tertinggi. Manakala bilangan pekerjaan bapa responden yang paling rendah ialah lain-lain iaitu sekitar 5 peratus sahaja.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang mendapat markah tinggi dalam peperiksaan Kemahiran Hidup pada tahun sebelumnya ialah sebanyak 72 orang berbanding markah rendah iaitu sebanyak 48 orang. Ini menunjukkan bilangan pelajar yang mendapat markah tinggi melebihi pelajar yang mendapat markah rendah. Hal ini mungkin disebabkan ramai pelajar yang berminat dengan mata pelajaran KH kerana mata pelajaran ini melibatkan 40 peratus amali . Walaupun ada sesetengah pelajar yang lemah dalam mata pelajaran lain tetapi dalam mata pelajaran KH mereka lebih berminat melakukan kerja amali seperti kerja kayu, memasang komponen elektronik dan sebagainya. Hal inilah yang mendorong mereka mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan.

### **Perbincangan Hasil Analisis Bagi Tahap Harga Diri Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup.**

Bagi menganalisis tahap harga diri pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup, penyelidik telah mengemukakan 34 item yang berkaitan dengannya.. Daripada 34 item yang dikemukakan sebanyak 11 item berada pada tahap tinggi iaitu dengan nilai min 3.68 sehingga 4.08 dan 23 item adalah pada tahap sederhana iaitu dengan nilai min 2.63 sehingga 3.65. Dapatkan kajian juga menunjukkan tidak ada langsung item yang berada pada tahap rendah nilai minnya. Pada keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap harga diri pelajar dalam mata pelajaran kemahiran Hidup adalah pada tahap sederhana iaitu pada nilai min 3.55.

Item yang tertinggi nilai minnya ialah “Saya percaya sekiranya saya berusaha dengan tekun dan gigih saya pasti akan mencapai kejayaan yang diharapkan dalam Kemahiran Hidup”. Skor min pada item tersebut ialah 4.08. Ramai responden yang sangat bersetuju dan bersetuju dengan item tersebut. Ini bertepatan dengan teori humanistik yang mengatakan bahawa seseorang individu adalah bertanggungjawab ke atas tindakannya. Contohnya kalau seseorang ingin mencapai kecermerlangan dalam hidup, dia hendaklah bertindak atau berusaha ke arah pencapaian yang dikehendakinya.

Item kedua tertinggi ialah yang menyatakan “Saya akan belajar bersungguh-sungguh walaupun lemah dalam latihan amali” dengan skor min 3.99. Sebanyak 79.2 peratus daripada jumlah responden yang bersetuju dengan item tersebut. Individu yang mempunyai harga diri yang tinggi cenderung untuk belajar bersungguh-sungguh walaupun mereka lemah dalam subjek tersebut. Pendapat ini disokong oleh Harter (1990) dalam Santrock, J.W.(2005) yang mengatakan bahawa harga diri seseorang itu akan mengalami perubahan selepas sesuatu peringkat perkembangan iaitu selepas kita menerokai keupayaan diri dan belajar lebih banyak kemahiran. Kita selalunya akan mempunyai harga diri yang lebih tinggi dalam satu bidang berbanding dengan yang lain.

Min yang ketiga tertinggi ialah item yang menyatakan “Saya yakin mata pelajaran Kemahiran Hidup dapat membentuk minda saya menjadi lebih berjaya” dengan skor min 3.91. Pelajar yang sering berfikiran positif dan mempunyai tahap kayakinan yang tinggi cenderung mendapat harga diri yang tinggi. Crozier dan Garbert-Jones (1996) dalam McBurney, D.H and White T.L(2004) mengusulkan bahawa terdapat

banyak pertindihan antara malu dengan kurang keyakinan diri. Pelajar pemalu didapati kurang yakin akan keupayaan belajar mereka. Sekiranya pelajar pemalu merasakan pelajar-pelajar lain lebih pandai, mereka akan mengalami imej kendiri akademik dan perasaan rendah diri. Terdapat banyak situasi yang boleh mencetuskan malu di sekolah. Contohnya, bertemu dengan orang yang tidak dikenali dan berbual dengan guru untuk berbincang. Pelajar pemalu akan berasa bimbang dan gerun untuk melibatkan diri dalam penghujahan dan perbincangan ketika menghadiri tutorial. Untuk meningkatkan tahap keyakinan ini kerajaan telah mewujudkan mata pelajaran Kemahiran Hidup dimana matlamatnya ialah untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Item yang paling rendah nilai minnya ialah item yang menyatakan saya merasakan diri saya berkebolehan dalam kerja amali mata pelajaran Kemahiran Hidup. Nilai min pada item tersebut ialah 2.63. Seramai 20 peratus pelajar yang bersetuju, 25 peratus tidak pasti dan 55 peratus tidak bersetuju dengan item tersebut. Walaupun item tersebut adalah paling rendah nilai minnya ianya masih berada pada tahap sederhana. Ramai pelajar yang tidak bersetuju dengan item tersebut kerana kurang yakin terhadap diri sendiri. Sekiranya pelajar yakin terhadap diri sendiri dan mempunyai harga diri yang tinggi sudah tentu mereka akan berfikiran positif dan membuang perasaan takut dalam dirinya.

Menurut Erickson(1994) dalam Ee Ah Meng(1997), kanak-kanak pada peringkat ini perlu menyalurkan tenaga ke arah menghasilkan sesuatu yang baik. Tugasan yang dijalankan hendaklah menghasilkan sesuatu seperti suatu penyelesaian, produk, kemahiran atau kefahaman. Apabila kanak-kanak diberikan tugas yang bertujuan, maka ketekunan individu itu akan dipupuk. Ketekunan ini akan meningkatkan lagi ketrampilan, iaitu keupayaan untuk melakukan atau membuat sesuatu. Peringkat ini merupakan kunci bagi perkembangan sikap yang rajin, iaitu satu keinginan untuk menjalankan aktiviti yang berfaedah. Oleh itu, aktiviti-aktiviti yang berfaedah yang dilakukan oleh kanak-kanak hendaklah dipuji dan digalakkan agar sikap ketekunan dapat dipupuk.

### **Perbincangan Hasil Analisis Hubungan Yang Signifikan Antara Harga Diri Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Kemahiran Hidup.**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara harga diri dengan pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup. Dengan nilai p adalah 0.000 dan nilai korelasi pada tahap 0.402 menunjukkan kekuatan korelasi adalah lemah. Berpandukan jadual Jadual Nilai Korelasi dan Interpretasi dalam Azizi et.al (2007) nilai korelasi antara 0.20 sehingga 0.40 berada pada tahap lemah. Maksud hubungan yang lemah ialah walaupun terdapat hubungan yang signifikan antara harga diri dengan pencapaian tetapi harga diri tidak memberi kesan yang besar kepada pencapaian Kemahiran Hidup.

Secara umumnya dapatan ini menunjukkan wujudnya hubungan antar harga diri dengan pencapaian Kemahiran hidup walaupun hubungannya berada pada tahap rendah. Baumeister dan Tice (1984) dalam Santrock, J.W(2005) mendefinisikan harga diri sebagai penilaian terhadap diri yang berbentuk global dan lazimnya dinilai daripada darjah seseorang itu berupaya menerima pelbagai bentuk kenyataan penilaian terhadap dirinya. Individu yang mempunyai harga diri yang tinggi lebih menekankan dan mementingkan kebolehan, kekuatan serta kualiti diri yang baik. Sebaliknya mereka yang rendah harga diri menumpukan perhatian kepada kelemahan, kekurangan serta kualiti yang tidak baik yang terdapat dalam diri mereka.

Dapatan ini seiring dengan dapatan kajian Ridi(2008), tentang tahap harga diri dengan pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak didapati bahawa terdapat hubungan antara harga diri dengan pencapaian pelajar yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup. Dapatan hasil kajiannya menunjukkan tahap harga diri pelajar lelaki dan perempuan

adalah pada tahap yang sederhana. Pelajar yang mendapat pencapaian tinggi dan rendah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup juga mempunyai tahap harga diri yang sederhana.

Berbeza pula dengan Atar (2008), tentang tahap harga diri dengan pencapaian mata pelajaran Sains dalam kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Kuching, Sarawak didapati didapati bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara harga diri dengan pencapaian Sains pelajar. Perbezaan dapatan kajian menunjukkan bahawa harga diri juga berbeza mengikut situasi, tempat, mata pelajaran dan lain-lain. Mengikut Fleming & Courtney (1984) dalam Santrock, J.W(2005), setiap manusia mempunyai harga diri yang tinggi dan rendah mengikut keadaan dan suasana setempat. Contohnya, segelintir manusia mempunyai harga diri yang tinggi dalam bersosial tetapi rendah tahap harga dirinya dalam akademik. Pendapat ini disokong oleh Harter (1990) dalam Santrock, J.W(2005), harga diri seseorang itu akan mengalami perubahan selepas sesuatu peringkat perkembangan iaitu selepas kita menerokai keupayaan diri dan belajar lebih banyak kemahiran. Kita selalunya akan mempunyai harga diri yang lebih tinggi dalam satu bidang berbanding dengan yang lain.

### **Perbincangan Hasil Analisis Perbezaan Yang Signifikan Antara Harga Diri Pelajar Yang Mendapat Pencapaian Tinggi Dengan Pencapaian Rendah Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup.**

Bagi melihat perbezaan yang signifikan antara harga diri pelajar yang mendapat pencapaian tinggi dengan pencapaian rendah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup, pengujian hipotesis nol telah dilakukan dengan menggunakan ujian-t. Berdasarkan hasil kajian, analisis data menunjukkan nilai signifikan, p ialah 0.000 iaitu lebih kecil daripada aras keertian  $\alpha = 0.05$ . Oleh itu hipotesis nol ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara harga diri pelajar yang mendapat pencapaian tinggi dengan pencapaian rendah.

Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian Ridi(2008), tentang tahap harga diri dengan pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar Serian, Sarawak didapati bahawa wujud perbezaan antara harga diri pelajar yang mendapat pencapaian tinggi dengan pencapaian rendah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Hal ini menunjukkan biasanya pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi akan mempunyai sifat yakin diri yang tinggi. Ini bertepatan dengan Teori maslow(1970) dalam Ee Ah Meng (1997) yang mengatakan bahawa manusia terdorong melakukan sesuatu kerana mempunyai kehendak atau keperluan. Penghargaan terhadap diri dan mempunyai nilai harga diri yang tinggi merupakan keperluan yang ketiga tinggi dalam hierarki keperluan Maslow. Teori ini berasaskan andaian bahawa manusia tidak pernah puas dengan apa yang sudah dicapai. Selepas mencapai sesuatu tahap manusia akan berusaha bagi mencapai tahap yang lebih tinggi lagi.

Pendapat ini juga disokong oleh Rosenberg(1979) dalam Azizi Yahaya et al. (2004). Individu yang tinggi harga dirinya akan menghormati dirinya dan akan menganggap dirinya sebagai orang yang berguna. Manakala individu yang rendah harga dirinya pula tidak dapat menerima dirinya dan menganggap dirinya tidak berguna dan serba kekurangan.

### **Perbincangan hasil analisis perbezaan yang signifikan antara harga diri pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.**

Bagi melihat perbezaan yang signifikan antara harga diri pelajar lelaki dengan pelajar perempuan, ujian-t telah digunakan. Hasil daripada ujian-t yang telah dilaksanakan didapati nilai P yang diperoleh adalah 0.43. Nilai ini lebih besar daripada aras signifikan yang telah ditetapkan iaitu pada aras keertian 0.05. Oleh yang demikian hipotesis nol diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara harga diri pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara harga diri dengan jantina pelajar. Pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai harga diri yang hampir sama. Berdasarkan min yang diperoleh daripada kajian, didapati nilai min harga diri pelajar lelaki ialah 3.583 dan pelajar perempuan ialah 3.530. Jelas disini tahap harga diri pelajar lelaki dan perempuan berada pada tahap yang sama iaitu sederhana.

Berdasarkan dapatan kajian Xin Ma & Losjpr, N. (1997) dalam Ridi(2008), didapati jantina tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap harga diri. Menurutnya lagi, hubungan antara harga diri dengan pencapaian bergantung pada beberapa pembolehubah seperti gred, latar belakang etnik, kutipan sampel dan saiz sampel kajian. Dapatan ini juga seiring dengan dapatan kajian Ridi(2008) tentang tahap harga diri dengan pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Serian, Sarawak didapati bahawa tahap tidak terdapat perbezaan yang signifikan antar harga diri pelajar lelaki dan perempuan. Kedua-duanya berada pada tahap yang sama iaitu sederhana.

Berbeza pula dapatan kajian Robin & other (2002) dalam Santrock, J.W(2005), dalam kaji selidiknya terhadap 300 000 orang responden didapati harga diri kaum lelaki lebih tinggi berbanding dengan kaum wanita sepanjang kehidupannya terutama semasa remaja. Dalam kajiannya juga didapati harga diri sentiasa berubah-ubah dari tahun ke tahun. Di dapati harga diri berada pada aras yang paling tinggi semasa kanak-kanak berumur sekitar 9-12 tahun, kemudian merosot pada awal remaja dan meningkat kembali apabila apabila dewasa. Pada peringkat akhir dewasa iaitu sekitar umur 65 tahun ke atas, harga diri menurun kembali. Begitu juga dapatan kajian oleh Lemik (1998), didapati bahawa wujud sedikit perbezaan di antara tahap harga diri pelajar lelaki dengan perempuan. Perbezaan yang wujud tidak begitu ketara memandangkan kedua-dua pihak mempunyai nilai harga diri yang hampir sama tetapi yang membezakannya adalah faktor sikap.

Roger dan Maslow, dalam kajiannya mendapati bahawa nilai harga diri adalah amat penting dalam aspek individu. Harga diri ialah penilaian keseluruhan terhadap seseorang baik lelaki ataupun perempuan dari segi penampilan atau imej kendiri. Berdasarkan dapatan kajian penyelidik, dapatlah dibuktikan bahawa harga diri tidak mempengaruhi jantina pelajar. Setiap pelajar tidak kira lelaki maupun perempuan mempunyai tahap harga diri yang hampir sama.

## Rumusan

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan dapatlah dirumuskan bahawa tahap harga diri pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran hidup adalah berada pada tahap sederhana iaitu pada tahap min 3.55. Daripada 34 item yang dikemukakan berkaitan harga diri sebanyak 11 item berada pada tahap tinggi iaitu dengan nilai min 3.68 sehingga 4.08 dan 23 item adalah pada tahap sederhana iaitu dengan nilai min 2.63 sehingga 3.65. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak ada langsung item yang berada pada tahap rendah nilai minnya. Ini bermakna walaupun harga diri pelajar di daerah Kuala Krai ada yang tinggi tetapi secara purata keseluruhannya tahap harga diri pelajar adalah pada tahap sederhana.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara harga diri dengan pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup. Walaupun terdapat hubungan yang signifikan, nilai hubungan tersebut berada pada tahap lemah. Ini menunjukkan bahawa harga diri tidak memberi kesan yang besar terhadap pencapaian mata pelajaran Kemahiran Hidup. Mungkin ada faktor lain yang lebih mempengaruhi pencapaian seperti faktor guru, sikap pelajar dan , kebolehan secara semulajadi dan lain-lain.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara harga diri pelajar yang mendapat pencapaian tinggi dengan pencapaian rendah. Ini bermaksud wujud perbezaan antara harga diri pelajar mengikut pencapaian. Pelajar yang mempunyai harga diri tinggi cenderung memperoleh

pencapaian tinggi dan pelajar yang mempunyai harga diri rendah cenderung memperoleh pencapaian rendah.

Akhir sekali secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara harga diri dengan jantina pelajar. Pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai harga diri yang hampir sama. Berdasarkan min yang diperoleh daripada kajian, didapati nilai min harga diri pelajar lelaki ialah 3.583 dan pelajar perempuan ialah 3.530. Jelas disini tahap harga diri pelajar lelaki dan perempuan berada pada tahap yang sama iaitu sederhana.

Secara kesimpulannya, harga diri merupakan suatu elemen yang penting dalam diri pelajar. Perkara ini dibuktikan dengan hasil kajian yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara harga diri pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Kemahiran hidup. Walaupun tahap hubungannya adalah lemah, setiap pelajar pelu meningkatkan harga diri mereka bagi memperoleh pencapaian yang tinggi dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Dapatan kajian juga secara tidak langsung menjadi garis panduan kepada pihak-pihak tertentu untuk meningkatkan lagi tahap harga diri pelajar dan juga pencapaian akademik mereka.

## Rujukan

- Aronson, E., Wilson, T.D, and Akert, R.M. (2005). *Social Psychology*. Fifth Edition. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Atar Anak ghiret (2008). *Tahap Harga Diri Dengan Pencapaian mata Pelajaran Sains Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Kuching, Sarawak*. Universiti Teknologi Malaysia; Projek Sarjana Muda.
- Azizi bin Yahya (2004). *Membentuk Identiti Remaja*. Johor: PTS Professional. Azizi Yahaya ... [et al.] (2004). Psikologi Sosial. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahya, Jamaludin Ramli & Way Mai Lin (2006). *Hubungan Antara Tingkah Laku Keibu Bapaan Dengan Penghargaan Kendiri*. Jurnal pendidikan UTM. Jilid 11.
- Dr Khadijah (2006). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Unitem Sdn. Bhd
- Ee Ah Meng (1994). *Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1997). *Psikologi Pendidikan 1*. Cetakan Keempat. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Iskandar (1970). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khalid Mohamed Nor (2002). *Belajar Teknik Belajar*. Kuala Lumpur: PTS Millennia.
- Lemik Anak Ngagat (1998). *Tahap Harga Diri Dengan Pencapaian Matematik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Sekitar Kuching*. Universiti Teknologi Malaysia; Projek Sarjana Muda.
- McBurney,D.H. and White T.L (2004) *Reseach Methods*, 6<sup>th</sup> edn, Belmont,CA: Wardsworth/ Thomson Learning.
- Mohd.Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Majid Konting. (1998) *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Pusat Perkembangan Kurikulum(2002). Sukatan Pelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup KBSM: Kementerian Pendidikan malaysia.

Ranjit Singh Malhi (1997). *Mempertingkatkan Harga Diri*. Kuala Lumpur: Self-Esteem Seminar's Sdn.Bhd.

Ridi Anak Juri (2008). *Tahap Harga Diri Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Serian*. Universiti Teknologi Malaysia; Projek Sarjana Muda.

Roy F. Baumeister (1999). *The self in social psychology* : Psychology Press.

Santrock, J.W.(2005). *Psychology*. Seven Edition. Boston: McGrow Hill.

Shahabuddin Hashim, Mahani Razali, Ramlah Jantan (2003). *Psikologi Pendidikan*. Pahang: PTS Publications.